

AMBOI, CANTIKNYA BAHASA!

WALAUPUN mempunyai latar pendidikan sekolah Inggeris sejak sekolah rendah, pengacara tersohor, Datuk Aznil Haji Nawawi tetap mengekalkan penggunaan bahasa Melayu dengan baik dan betul dalam setiap program penyiaran di televisyen.



**Datuk Aznil
Haji Nawawi**



Dr. Charanjit Kaur



**Alex Leong
Jun Wei**

DARIPADA belajar ilmu hisab, ilmu alam dan ilmu tawarikh, beliau masih lagi menggunakan perkataan lama yang menunjukkan kecintaannya terhadap bahasa Melayu agar bahasa itu tidak terpadam.

Beliau mengakui sering menggunakan bahasa Melayu secara harian di rumah, pejabat dan stesen penyiaran televisyen. Semasa mengendalikan rancangan televisyen, apabila berhubung dengan peserta kanak-kanak, beliau menggunakan bahasa yang sama, cuma intonasinya berbeza, serta menjadikan dirinya seperti kanak-kanak. Begitu juga, bahasa dan nada suaranya lebih lembut apabila bersama-sama dengan orang dewasa, seperti kaum ibu. Pun begitu, berbicara dengan kanak-kanak, beliau masih menggunakan tatabahasa yang betul dengan nada yang berbeza, sementara dengan remaja, bahasa yang digunakan lebih santai dan mesra bersahabat.

"Kelancaran bahasa dapat dilakukan sekiranya kita membuat persediaan awal. Misalnya, saya menulis dan menyusun ayat yang sudah tersedia dalam fikiran. Biasakan menulis, mengarang atau membuat skrip sendiri dengan pemilihan kosa kata dan tatabahasa yang betul. Sebab itu, saya bercakap laju seperti menghafal," katanya.

Menurutnya, kebiasaan menulis dan mengarang sebelum mengacara akan memudahkan kelancaran bertutur semasa di hadapan penonton. Dengan menulis dahulu, kita dapat membuat saringan pengucapan dan mengasah minda sebelum berucap. Kalau kita selalu menulis, fikiran kita akan berkembang dan tidak melakukan kesilapan semasa bertutur.

Menurutnya lagi, apabila berada dalam kelompok media sosial, seboleh mungkin beliau akan menelusuri kumpulan sasar dengan cara dan nada yang sesuai untuk tidak ketinggalan dengan keadaan semasa. "Bahasa saya tidaklah seperti bahasa membaca buku teks. Saya mengambil ikhtiar

dan berusaha untuk membetulkan perkataan yang betul," katanya.

Berkenaan dengan penggunaan bahasa rojak yang digunakan oleh generasi sekarang, bagi Datuk Aznil, pada zaman persekolahan dahulu, tidak banyak perkataan Inggeris yang dimelayukan. Mereka menggunakan bahasa Inggeris yang dimelayukan untuk tujuan kesenangan mereka. Jika dilihat di Indonesia pula, mereka gemar meringkaskan perkataan panjang menjadi pendek, seperti "gorpicias" (goreng pisang keju) dan "gorpiciasdap" (goreng pisang keju sedap). Kita bimbang perkataan ini menjadi bahasa yang diiktiraf.

"Sekiranya saya tidak menggunakan bahasa seperti ini dan menggunakan bahasa yang betul saya dianggap sudah ketinggalan zaman atau tidak mengikuti peredaran masa. Saya sentiasa mengikuti perkembangan fesyen, menggunakan aplikasi peranti komunikasi mengikut arus semasa, tetapi penulisan saya masih menggunakan bahasa Melayu. Mereka menjadi malas untuk menulis ayat yang panjang, tetapi kita sebenarnya tidak lewat menuturkan atau menulis perkataan yang panjang. Saya tidak melewatkan masa jika saya menggunakan ayat yang panjang. Dalam sebarang janji temu, saya antara orang terawal sampai, tidak bermakna saya bercakap panjang, saya terlewat janji temu. Dalam bidang pengacaraan, seboleh mungkin kita tidak dibenarkan memotong ayat, meringkaskan perkataan kerana semata-mata untuk mengejar waktu. Saya mengamalkan ujaran yang jelas, belajar untuk bercakap laju untuk memenuhi masa," katanya.

Menurut pensyarah di Universiti Tunku Abdul Rahman, Dr. Charanjit Kaur, penyampaian berita pada era teknologi maklumat lebih ke arah untuk menarik minat pembaca dan penonton, bukannya membincangkan soal cabarannya terhadap pihak media dan penguana.

Dalam soal penggunaan bahasa, misalnya media cetak seperti akhbar harian, didapati penggunaan bahasanya lebih teratur dan ayatnya lebih cantik. Jarang-jarang dapat kita lihat ada kesalahan ejaan dalam akhbar cetak, malah kejutuan bahasa yang dipaparkan itu secara tidak langsung mendidik pembaca untuk menggunakan bahasa dalam konteks yang betul. Hal ini sangat penting kerana sebagai pembaca dapat mempelajari pelbagai perkara daripada sumber bahan bacaan. Media cetak ini sekurang-kurangnya memainkan peranan yang baik untuk mendidik pembaca menggunakan bahasa yang betul. Namun demikian, didapati wartawan yang menulis artikel itu juga terikut-ikut untuk menggunakan perkataan terlampau canggih.

Walau bagaimanapun, seperti Datuk Aznil, beliau lebih gemar menggunakan perkataan yang lama, contohnya perkataan "belanjawan" mengapa perlu ditukarkan kepada "bajet"? Jika kita tidak mengekalkan perkataan belanjawan, lama-lama-kelamaan perkataan ini akan hilang.

Begitu juga media elektronik menerusi radio dan televisyen, kebiasaanya bahasa yang digunakan agak baik dan persembahan beritanya juga lebih menarik. Akan tetapi ada masanya penyampai berita di stesen radio dan televisyen cuba menarik perhatian pendengar dan penonton dengan menggunakan perkataan yang canggih dan perkataan tersebut ada yang boleh diterima dan ada yang tidak boleh diterima oleh sesetengah penonton yang lain. Inilah antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh media elektronik.

Begitu juga, sari kata berita yang salah contohnya, Dua orang pelajar adik-beradik kembar mendapat segulung "jenazah", sepatutnya mereka menerima "ijazah". Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam media penyiaran. Begitu juga identifikasi yang diberikan terhadap nama seseorang tokoh juga ada masanya salah. Keadaan ini sebenarnya memberikan takrifan maksud yang salah dalam penyampaian berita. Berhubung dengan perkara ini, sebagai pnsyarah, beliau mengambil perhatian yang serius kerana media sebagai ejen

penyampaian yang baik untuk menggunakan bahasa dengan betul.

Begitu juga penggunaan bahasa dalam media sosial, ternyata berita yang disampaikan betul, tetapi terdapat kesalahan ejaan begitu ketara yang tidak dititikberatkan penggunaannya. Bagi masyarakat menganggapnya sebagai perkara biasa atau suatu kebiasaan yang sudah diterima oleh masyarakat. Keadaan ini menyebabkan pengguna lain tidak mahu menegur. Sayang sekali, jika dahulu, perihal sindir-menyindir untuk membetulkan perkara yang salah dianggap biasa, tetapi sekarang perkara itu dianggap sensitif. Pengguna media sosial tidak mahu membetulkan kesalahan bahasa yang dipaparkan itu kerana bimbang mereka akan menjadi mangsa buli siber. Masing-masing memeluk tubuh berdiam diri untuk tidak membetulkan penggunaan bahasa yang salah.

"Amboi, cantiknya bahasa! berupa sedikit sindiran yang digunakan untuk menyindir. Namun begitu, tanpa pemantauan, ketiga-tiga media ini, iaitu media cetak, media elektronik dan media sosial boleh membunuh bahasa jika kita tidak menggunakannya dengan betul," tegasnya lagi.

Katanya, media menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan pengaruhnya. Sesetengah ayat yang digunakan agak tidak sesuai untuk kumpulan sasaran. Pencemaran bahasa yang begitu meluas digunakan bukan sahaja dalam filem tempatan, malah dalam penulisan seni kata lagu, sehingga menjelajahi media cetak, seperti majalah dan komik. Walaupun komik ini bertujuan memberikan hiburan, tetapi mampu mengancam penggunaan bahasa yang baik. Golongan remaja, khasnya mudah terikut-ikut dengan penggunaan bahasa yang dipaparkan dalam media, filem atau lagu yang menjadi ikutan dan kebiasaan dalam kehidupan mereka.

"Pencemaran bahasa ini menimbulkan pencemaran kod bahasa yang pelbagai serta kerap disiarkan dalam stesen radio dan televisyen. Mangsa pencemaran bahasa ini sudah tentu menimbulkan kesan kepada kanak-kanak dan golongan remaja kerana golongan ini menggunakan media sebagai ejen sosialisasi dan belajar tentang budaya

sama ada belajar etnik budaya sendiri ataupun belajar etnik budaya lain," katanya.

Menurut, Dr. Charanjit, tidak hairanlah jika generasi muda ini tidak menggunakan bahasa yang baik, tidak mempunyai kesantunan bahasa, dan wujud semacam trend mencantumkan bahasa ini dengan dialek-dialek yang lain. Mengapa perlu menggadaikan bahasa kebangsaan ini dengan menggunakan bahasa yang pelik, terutama ketika meninggalkan komentar di laman media sosial? Contohnya, perkataan "tidak ada" dipendekkan kepada "tak de" dan disingkatkan kepada "x de", "sahaja" menjadi "saje" atau "je", dan saya diringkaskan menjadi "sy".

Sememangnya semua media memainkan peranan yang penting, terutama dalam soal bahasa, mereka seperti melepaskan batuk di tangga, apakah akan terjadi kepada bahasa ini nanti? Kesannya akan memberikan hakisan bahasa terhadap generasi pada masa hadapan. Mereka akan terkapai-kapai untuk mencari identiti mereka. Bahasa apakah yang ingin diajarkan kepada mereka?

Sehubungan dengan itu, menurut Dr. Charanjit, kita perlu banyak menulis dan membaca dalam bahasa Melayu, bahkan semasa berfikir juga berfikir dalam bahasa Melayu untuk mengembangkan bahasa Melayu.

Sementara itu, Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah, Alex Leong Jun Wei berkongsi kecintaannya terhadap bahasa Melayu. Katanya, sejak kecil lagi beliau minat membaca buku berbahasa Melayu. Dari tingkatan satu hinggalah tingkatan lima, beliau diajar oleh guru bukan Melayu yang mengajarkan bahasa Melayu dengan begitu fasih sehingga cara mereka bercakap membuatkan beliau terpuak.

"Saya jatuh cinta terhadap bahasa Melayu apabila kali pertama saya terserempak dengan majalah *Pelita Bahasa* pada tahun 1994, semasa di tingkatan tiga, saya membaca majalah ini dari kulit ke kulit. Semenjak itu saya pasti membaca *Pelita Bahasa* setiap bulan. Saya tertarik dengan keindahan bahasa Melayu, yang tersusun tatabahasanya, susunan bahasanya yang paling bersistematik berbanding dengan bahasa lain. Bahasa ini juga

mudah dikuasai berbanding dengan bahasa lain, dari situ saya nampak betapa cantiknya bahasa kita!," jelasnya.

Menurutnya, amboi, cantiknya bahasa!, jika disebut dengan pandangan dan intonasi yang positif menunjukkan kita betul-betul mengagumi kecantikan bahasa kita ini. Jika disebut dengan intonasi yang negatif, ungkapan ini menjadi bahasa sindiran.

Beliau mendapati trend pembelajaran bahasa Melayu pada masa ini menunjukkan masyarakat bandar semakin memandang enteng kepentingan bahasa Melayu. Semasa beliau menjadi tenaga pengajar, beliau menghadapi kesukaran untuk memberikan kesedaran kepada anak muridnya bahawa betapa pentingnya bahasa Melayu dipelajari dengan betul dan baiknya supaya kita betul-betul dapat memantapkan jati diri sebagai rakyat negara ini. Seterusnya kita dapat menjadikan bahasa kita ini bukan setakat digunakan dalam komunikasi sehari-hari malah bahasa ini dapat digunakan sebagai bahasa yang menyatupadukan rakyat Malaysia yang bersifat majmuk.

Sememangnya ada kesukaran pada hari ini untuk mendidik anak muda kita untuk menggunakan bahasa Melayu. Sebenarnya bukan sahaja bangsa bukan Melayu, bahkan bangsa Melayu sendiri, berdasarkan pengalaman beliau apabila mengajar di sekolah pertama dahulu, kebanyakan murid yang berketurunan Melayu pada masa itu juga masih tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baiknya. "Sebenarnya saya tertanya-tanya apakah masalah mereka, adakah disebabkan oleh globalisasi atau terpengaruh dengan bahasa asing. Mungkin ini lebih kepada sikap masyarakat yang lebih mementingkan bahasa Inggeris. Keadaan ini sudah lama berlaku lewat tahun 1990-an lagi. Ketika globalisasi

berlaku, kita sudah nampak masyarakat lebih memandang tinggi terhadap bahasa Inggeris, dan menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa sekunder atau bahasa kedua," katanya.

Menurutnya, bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu sejak sekian lama, yang begitu cantik kosa katanya, sistem tatabahasanya yang mantap. Perkara ini perlu disedarkan kepada anak murid dan generasi muda kita supaya nampak kecantikan bahasa kita. Semasa mengajar, beliau turut mendedahkan kepada anak muridnya bahawa masyarakat asing juga teruja untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi pertandingan pidato bahasa Melayu peringkat antarabangsa. Peserta debat terdiri daripada pelajar asing yang mampu menguasai bahasa Melayu dengan baiknya dalam masa yang singkat.

Dalam hal ini, jika kita gagal mendidik anak didik untuk mengupayakan dan menguasai bahasa Melayu dengan baiknya, baginya ini merupakan kegagalan besar dalam sistem pendidikan kita. Sebagai pembimbing pakar peningkatan sekolah dalam bidang bahasa Melayu, tugasnya adalah untuk membantu guru di sekolah untuk memantapkan pedagogi mereka khususnya dalam bahasa Melayu. "Ada masanya saya mendengar guru menyebut 'korang', 'so', 'next' semasa mengajarkan Bahasa Melayu. Sekiranya guru pun tidak berusaha menunjukkan contoh yang baik kepada anak didik mereka cara mengujarkan bahasa Melayu dengan mantap dan baku, bagaimanakah kita dapat melahirkan generasi muda yang meminati dan mencintai bahasa Melayu?"

Begitu juga dengan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), menurutnya apabila kita terlalu mengagung-agungkan bahasa asing kita sebenarnya meniadakan kebolehan bahasa kita sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Keadaan ini hanya

memwujudkan masalah perpaduan kaum, terutama pelajar bukan Melayu akan memilih program dwibahasa, terutama bagi sekolah bandar. Secara peribadi, beliau kurang bersetuju dengan sikap masyarakat yang terikut-ikut oleh pengaruh asing. Sekiranya pelajar menggunakan program dwibahasa dalam Sains dan Matematik sepenuhnya, sekurang-kurangnya lima subjek teras perlu diajarkan dalam bahasa Inggeris.

Pada masa dahulu, pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Melayu pun ada sekelompok pelajar masih tidak memahaminya, apatahlah lagi jika diajar dalam bahasa Inggeris. Dikhuatiri nanti tahap penguasaan bahasa Melayu akan terjejas, akhirnya masyarakat tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu. Diharapkan masyarakat berfikir positif dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kerana bahasa kita sememangnya sangat hebat, unggul dengan tatabahasanya yang mantap.

"Saya tidak nampak di manakah cacat celanya bahasa Melayu? Bahasa Melayu ini sangat cantik, cuma sikap pengguna bahasa Melayu yang memandang enteng terhadap penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul. Sebagai pendidik, saya ingin mendidik pelajar agar menggunakan bahasa yang betul kerana hanya dengan penggunaan yang betul kita dapat memelihara kecantikan bahasa Melayu dan meletakkan martabatnya di tempat yang sepatutnya. Dengan itu, barulah bahasa kita akan dicintai oleh masyarakat tanpa mengira bangsa," katanya.

Bual Bicara *Pelita Bahasa*, Amboi Cantiknya Bahasa! disiarkan secara langsung dalam Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, bertempat di Anjung DBP, Kuala Lumpur, pada 30 September 2020 yang dipengerusikan oleh Sayed Munawar, Sayed Mohd. Mustar. **PB**

Pembicara Bual Bicara *Pelita Bahasa* dari kiri: Sayed Munawar, Datuk Aznil, Dr. Charanjit dan Alex Leong.